

0128

U 8437
JANTUNG
OLEH HANIZA TAUFIK

KUALA LUMPUR, 24 JAN (BERNAMA) -- Pembedahan pintasan koronari, seperti yang dilakukan ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, merupakan prosedur pembedahan jantung terbuka yang paling biasa dijalankan.

Pintasan jantung melibatkan penyambungan pembuluh darah bagi menyalurkan semula darah di sekitar saluran darah yang rosak dari aorta ke otot jantung.

Dalam kebanyakan kes, pembuluh darah yang diambil dari peha disambungkan ke saluran darah yang rosak, satu di atas dan satu lagi di bawah bahagian yang tersumbat, bagi memperbaiki pengaliran darah dan mengurang atau menghapuskan sakit pada dada.

Jika beberapa bahagian yang sempit disalurkan semula, hanya dipanggil pembedahan pintasan pelbagai saluran.

Pembedahan jantung terbuka dan tertutup telah dijalankan di Hospital Besar Kuala Lumpur sejak 1982. -- LASI
1929HST 24 01 89

0132

U 8441 AAD
JANTUNG 2 KUALA LUMPUR

Saluran darah, yang menbejal darah ke organ-organ yang penting di badan, menjadi sempit bila bahan lemak bertimbun di dinding bahagian dalam pembuluh darah, kata perunding pakar jantung Dr George D. Axonada.

Himpunan lemak menyebabkan saluran darah menjadi tebal dan keras, mengakibatkan laluan darah menjadi sempit.

Jika lemak itu menyempitkan saluran dengan teruk hingga menyekat sama sekali pengaliran darah, organ yang bergantung pada bekalan darah dari saluran ini akan mati.

Dalam kertas kerja yang dibentangkan di satu seminar, beliau berkata saluran koronari, saluran yang menbejal oksigen ke jantung, biasanya mudah tersekat.

Selalunya, orang yang mempunyai saluran koronari yang rosak mensalaki tanda-tanda serampan jantung yang dipanggil +angina pectoris+, yang biasanya dibasakan sebagai tekanan atau sakit di belakang tulang dada atau di bahagian kiri dada, diikuti dengan sakit sekali sekala ke lengan atau tengkok. -- LASI
1936HST 24 01 89

0134

U 8442 AAD
JANTUNG 3 KUALA LUMPUR

+INI ADALAH SATU CARA JANTUNG ANDA MELAKIRKAN TANGSISAN, DAN MENBERITAHU ANDA IA MEMERINA Oksigen yang amat sedikit kerana saluran atau saluran-saluran yang bersambung kepadanya tersekat atau sempit,+ kata beliau.

Tidak seperti jenis sakit dadah lain, +angina+ biasanya berlaku semasa pergerakan fizikal yang berat atau perasaan terkejut, bila jantung memerlukan lebih banyak oksigen daripada biasa.

Keperluan oksigen mengurang bila tekanan fizikal atau rasa terkejut ini hapus.

Sakit jantung disifatkan sebagai pembunuh nombor satu di Malaysia. Ia meningkat empat kali lebih besar dalam tempoh 20 tahun, dari 1,761 kematian pada 1964 kepada 8,281 pada 1984. -- BERNAMA
1938HST 24 01 89